

19/01/1998

Abim, NGO lancar Gerak

KUALA LUMPUR, Ahad - Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) akan melancarkan program Gerakan Ekonomi Rakyat (Gerak) tidak lama lagi bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai kegawatan ekonomi sekarang dan cara menghadapinya.

Presidennya, Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata program itu akan dijayakan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain.

Menurutnya, satu memorandum yang mengandungi desakan dan sokongan kepada kerajaan mengenai langkah memulihkan ekonomi akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sidang berita selepas majlis Forum Dialog Ekonomi Semasa anjuran Abim di sini, Ahmad Azam berkata, rakyat perlu menganggap diri mereka dalam keadaan darurat kerana negara menghadapi masalah ekonomi.

Menurutnya, keadaan ini memerlukan semua pihak mengambil tindakan bersepadu bagi menangani serangan terhadap ekonomi negara oleh mereka yang mempunyai agenda tersendiri.

"Kita tidak boleh ambil tindakan sambil lewa tetapi kena ambil tindakan luar biasa bagi mempertahankan negara. Kita perlu bersatu dalam menghadapi serangan itu, khususnya bagi memulihkan keyakinan terhadap ekonomi kita," katanya.

Ahmad Azam berkata, program Gerak juga akan memberi penerangan kepada rakyat terutama untuk mengubah cara supaya tidak bersifat kebaratan yang menjurus kepada pembelian barangan import dari Barat.

Katanya, Gerak juga akan mendesak kerajaan untuk memulihkan imej sektor pertanian supaya menjadi sektor yang dibanggakan dan meminta kawasan tanah pertanian diperluaskan lagi.

(END)